

|               |  |
|---------------|--|
| TARIKH        | KHAMIS, 2 FEBRUARI 2023                |
| AKHBAR        | UTUSAN MALAYSIA                        |
| TAJUK ARTIKEL | NISBAH FOSFORUS KEPADA KALSIMUM TINGGI |
| M/S           | 25                                     |
| BIDANG        | SCIENCE AND TECHNOLOGY                 |
| KATA KUNCI    |  |

## Nisbah fosforus kepada kalsium tinggi

NISBAH fosforus kepada kalsium yang tinggi dalam PKC, menjadikannya pilihan yang baik untuk makanan lembu tenusu.

Memetik satu kajian, Ahmad Parveez berkata, PKC digunakan sebagai bahan biasa dalam catuan lembu tenusu di Jerman dan Belanda, dengan kira-kira 10 peratus manakala di Malaysia pula, ia digunakan lebih daripada 50 peratus dan tiada kesan negatif dilaporkan.

Fosforus dan kalsium, unsur surih dalam PKC memainkan peranan utama sebagai galian penting yang diperlukan untuk transformasi tenaga biokimia dalam semua sel badan selain membentuk asas mineral tulang dan gigi bagi ternakan.

“Penggunaan pada 40 peratus, meningkatkan lemak susu dan jumlah kandungan pepejal tanpa menjejaskan hari dan jumlah pengeluaran susu, berat badan dan keadaan badan, dalam lembu tenusu kacukan. Kandungan NDF antara 50 dan 65 peratus dalam PKC, meningkatkan kandungan lemak dalam susu,” tambahnya.

Beliau turut menegaskan, negara tidak membenarkan penebangan



**PKC digunakan sebagai bahan biasa dalam catuan lembu tenusu di Jerman dan Belanda.”**

hutan untuk penanaman sawit.

*State of the World's Forests 2020* melaporkan, jumlah kemusnahan hutan menurun secara global dan ia menunjukkan petanda positif mengenai keseimbangan antara pemuliharaan biodiversiti dan penggunaan atau pembangunan hutan mampan memang wujud.

“Berdasarkan perspektif mengenai komitmen Malaysia termasuk Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO), penurunan kemusnahan hutan primer di Malaysia selama empat tahun berturut-turut (dari 2017-2020), mungkin menyumbang ke arah aliran menurun ini seperti yang dilaporkan oleh *Global Forest*